

Kes demam denggi naik 3.5%

KUALA LUMPUR -

Jumlah kes demam denggi pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-51 tahun ini (ME51/22) dari 18 hingga 24 Disember meningkat 3.5 peratus iaitu 2,018 kes berbanding 1,950 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan satu kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada minggu tersebut berbanding lima pada minggu sebelumnya.

Beliau berkata, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan hingga kini adalah 64,078 kes berbanding 25,794 kes bagi tempoh sama tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak 148.4 peratus manakala 50 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 19 kematian bagi tempoh sama pada 2021.

"Sebanyak 58 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 55 lokaliti hotspot minggu sebelumnya dengan 32 lokaliti hotspot berada di Selangor, 16 di Sabah, enam di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta empat di Pulau Pinang," katanya pada Rabu.



DR NOOR HISHAM

Beliau berkata, surveilans chikungunya pula merekodkan 16 kes pada ME ke-51 dengan 10 kes di Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan, masing-masing dengan dua kes dan masing-masing satu kes di Selangor serta Pahang, menjadikan jumlah kumulatif kes chikungunya hingga

kini adalah 801 kes.

"Bagi surveilans zika, sebanyak 2,181 sampel darah dan 18 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif," jelasnya.

Dr Noor Hisham berkata, sampah, barang lusuh dan barangan dihanyutkan di kawasan dilanda banjir hendaklah dilupuskan secara berhemah selain perlu memastikan tiada air bertakung di persekitaran premis.

"Ini kerana bahan buangan tersebut dapat menyumbang kepada tempat pembiakan nyamuk aedes.

"Nyamuk aedes juga dapat terbang sejauh 200 meter dari tempat pembiakan bagi mendapatkan sumber makanan serta menjangkitkan virus denggi kepada individu sekiranya nyamuk tersebut membawa virus denggi," tambah beliau. - Bernama